

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH  
[ MUKAH ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad  
Abdullah [ Mukah ] minta MENTERI LUAR  
NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang  
di ambil dalam isu Laut China Selatan.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Republik Rakyat China dan juga negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina dan juga Vietnam.

2. Secara umumnya, Malaysia dan negara-negara ASEAN tidak mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China kerana tuntutan negara tersebut tidak selaras dengan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982, atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan berpendirian bahawa tuntutan bertindih di Laut China Selatan perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuklah UNCLOS 1982. Malaysia berpendirian bahawa perundingan secara aman melalui perbincangan dan perundingan merupakan jalan terbaik. Rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)* atau Tribunal Timbang Tara merupakan opsiyen terakhir di dalam mencari penyelesaian. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa sebarang pertikaian berhubung

kawasan maritim di Laut China Selatan ke pihak ICJ atau Tribunal Timbang Tara.

4. Bagi memastikan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan, usaha-usaha membina kesalingpercayaan dan mengelakkan konflik sentiasa dijalankan. Ini termasuklah pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan China pada 4 November 2002, serta usaha-usaha ke arah merealisasikan Kod Tatalaku di Laut China Selatan dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*.

Sekian, terima kasih.